




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

10 JUN 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 87 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 372,650 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 50 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 365,812 orang. Manakala 208 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 203 orang di hospital manakala lima (5) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah empat (4) orang iaitu tiga (3) orang di ICU/repurposed critical care dan satu (1) orang lagi di open ward (HDW/kubikel akut) serta dua (2) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau dua (2) daerah
- Zon Kuning 18 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah tiga (3) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Angka jangkitan harian melonjak ke 87 kes hari ini berbanding 67 kes semalam, pertambahan hampir 30% kes baharu. Hari ini merupakan hari kelima secara berturut-turut kes harian meningkat
- b. Walaupun peningkatan kes harian telah diramal lebih awal akibat perhimpunan ramai menyambut perayaan Aidilfitri dan Kaamatan sepanjang bulan Mei, tetapi kesan sambutan tersebut 'melimpah' ke bulan Jun kerana masih ramai yang merayakan sehingga sekarang. Kelonggaran keatas aktiviti-aktiviti sosial juga merupakan faktor yang menyumbang kepada kes-kes jangkitan baharu yang lebih tinggi.
- c. Mengambil kira perayaan dan cuti sekolah yang masih berjalan, JKNS menjangkakan penstabilan kes-kes harian hanya boleh dicapai pada hujung bulan Jun.
- d. Hari ini lapan (8) daerah mencatatkan jumlah jangkitan harian yang lebih tinggi daripada sebelumnya berbanding empat (4) daerah yang mencatatkan penurunan kes harian. Sebanyak 12 daerah mencatatkan kes baharu satu (1) angka dan Kota Kinabalu dengan 30 kes (+2) serta Penampang 27 kes (+8) kekal dengan jangkitan baharu dua (2) angka.
- e. 15 daerah tidak mencatatkan sebarang jangkitan baharu sepanjang tempoh 24 jam yang lalu. Daerah Kunak dan Telupid pula kini diisytihar 'Zon Hijau' setelah tidak mencatatkan sebarang kes baharu selama 14 hari berturut-turut.
- f. Sebanyak 85 daripada 87 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 dan dua (2) kes dalam Kategori 4.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 0 | 0.00% |
| 2 | Kontak | 19 | 21.84% |
| 3 | Bergejala | 55 | 63.22% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 13 | 14.94% |
| JUMLAH | | 87 | 100% |

B. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 Jun 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 9/06/2022 | Catatan Kes 10/06/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|--------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Penampang | 19 | 27 | +8 |
| 2 | Sandakan | 0 | 8 | +8 |
| 3 | Kota Kinabalu | 28 | 30 | +2 |
| 4 | Tawau | 2 | 4 | +2 |
| 5 | Tuaran | 1 | 3 | +2 |
| 6 | Semporna | 0 | 2 | +2 |
| 7 | Beaufort | 0 | 2 | +2 |
| 8 | Tongod | 0 | 1 | +1 |
| 3 | Sipitang | 3 | 3 | Mendatar |
| 10 | Tambunan | 2 | 2 | Mendatar |
| 11 | Kunak | 0 | 0 | Mendatar |
| 12 | Telupid | 0 | 0 | Mendatar |
| 13 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 14 | Ranau | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Lahad Datu | 0 | 0 | Mendatar |
| 16 | Keningau | 0 | 0 | Mendatar |
| 17 | Kudat | 0 | 0 | Mendatar |
| 18 | Beluran | 0 | 0 | Mendatar |
| 19 | Nabawan | 0 | 0 | Mendatar |
| 20 | Tenom | 0 | 0 | Mendatar |
| 21 | Pitas | 0 | 0 | Mendatar |
| 22 | Kinabatangan | 0 | 0 | Mendatar |
| 23 | Kota Marudu | 0 | 0 | Mendatar |
| 24 | Papar | 4 | 1 | -3 |
| 25 | Putatan | 6 | 4 | -2 |
| 26 | Kota Belud | 1 | 0 | -1 |
| 27 | Kuala Penyu | 1 | 0 | -1 |
| JUMLAH | | 67 | 87 | 20 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 972 unit.

- Hospital 934 unit.
- PKRC (Awam) 10 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.40%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 JUN 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|-----------|
| Tempatan | 84 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 2 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 1 |
| Jumlah | 87 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|-----------|
| Malaysia | 84 |
| Bukan Malaysia | 3 |
| Jumlah | 87 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------------------|-----------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 5 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 0 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 4 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 25 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 53 |
| Jumlah | 87 |

iii. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|-----------|
| <1 | 3 |
| 1-4 | 2 |
| 5 -11 | 1 |
| 12-17 | 5 |
| 18-29 | 25 |
| 30-39 | 19 |
| 40-49 | 14 |
| 50-59 | 11 |
| 60-69 | 4 |
| 70-79 | 1 |
| 80-89 | 1 |
| >90 | 1 |
| Jumlah | 87 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 9 Jun 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 1,043 orang. Daripada jumlah ini, seramai 719 orang adalah penduduk dewasa, 0 orang adalah penduduk remaja dan 324 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 9 Jun 2022 adalah seramai 2,605,873 orang. Ini meliputi 2,136,513 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.65% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,493,786 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,324 orang atau 77.06% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,347 orang atau 78.92% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 320,696 atau 75.25% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 133,013 atau 32.33% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 79,766 atau 19.39% orang.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II